

# Jangan kecewakan harapan umat Islam'

## OIC mesti hasilkan pelan praktikal kembalikan keamanan: PM



**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tidak boleh lagi sekadar mengeluarkan kenyataan mengutuk serangan Israel terhadap Lubnan serta Palestin, sebaliknya mesti berani menghasilkan pelan praktikal bagi menghentikan segera peperangan dan mengembalikan keamanan.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi OIC berkata, pertubuhan dianggotai 57 negara itu harus membantu membangunkan semula Lubnan dan Palestin serta menangani keadaan kemanusiaan di rantau Asia Barat.

"Kita mesti memainkan peranan lebih proaktif dalam menghadapi konflik semasa. Kita mesti mempromosikan kesediaan Untuk menyediakan pasukan pengaman di bawah panji Pertubuhan Bangsa Bangsa

Bersatu (PBB).

"Malaysia bersedia melakukannya. Kita juga mesti mendesak diberikan peranan untuk membina semula keamanan selepas gencatan senjata dilaksanakan," katanya pada pembukaan mesyuarat khas OIC di sini, semalam.

Mesyuarat sehari itu yang secara rasmi dikenali Mesyuarat Negara Rakan Pengerusi OIC Ke-10, diadakan dalam usaha mencari penyelesaian terbaik bagi menghentikan pembunuhan berterusan di Asia Barat.

Mesyuarat yang dipengerusikan Abdullah, dihadiri 18 negara yang diwakili presiden, sultan, Perdana Menteri dan menteri masing-masing. Hadir sama, Setiausaha Agung OIC, Dr Ekmeleddin Ihsanoglu, yang berpejabat di Jeddah.

Abdullah menegaskan, persidangan berkenaan tidak harus mengecewakan harapan umat Islam supaya OIC bertindak menangani peperangan itu, sebaliknya mesti mampu menghasilkan pelan praktikal lebih konkrit.

Beliau menegaskan, masyarakat dunia mempuhayai tanggungjawab moral bagi menghentikan perang

berkenaan dan sebagai pemimpin negara Islam. OIC harus menangani sepenuhnya kerana ia bukan lagi isu berkaitan agama, sebaliknya kemanusiaan sejagat.

"Keadaan di Lubnan dan Palestin bukan setakat menjejaskan ahli Sunnah atau Syiah, Islam atau bukan Islam. Perang itu menjejaskan seluruh masyarakat Lubnan dan Palestin tanpa mengira agama, bangsa dan budaya," katanya.

Sehubungan itu, katanya, media tempatan di setiap negara anggota OIC harus berfungsi secara lebih proaktif dengan memastikan semua as-

pek kejadian itu disiarkan.

Katanya, media Barat lebih cenderung menyiarkan berita yang menyebabkan Israel seperti keluarga di negara Yahudi itu terpaksa meninggalkan tempat tinggal mereka untuk menyelamatkan diri daripada serangan roket pejuang Hizbullah.

Dengan mengambil contoh pengeboman Israel terhadap umat Islam di Qana, Ahad lain yang membunuh 50 orang awam, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, Abdullah menegaskan, Israel harus diberitahu bahawa tindakannya akan hanya meningkatkan kebencian masyarakat dunia terhadapnya.

"Israel mempunyai matlamat lebih besar berbanding alasannya membebaskan dua anggota tenteranya yang dikatakan diculik.

Jelas Israel disokong beberapa pihak untuk melengkapkan pelan rahsia mereka. Bagaimanapun, kita tidak boleh membenarkan perang ini berlanjutan," katanya.

Malangnya, kata Abdullah, PBB tidak mampu melakukan banyak usaha untuk menghentikan perang berkenaan, selain mencuba menyusun bantuan kemanusiaan.

### FAKTA NOMBOR

Mesyuarat Khas OIC

57

Negara anggota OIC

18

Negara hadir sidang khas